

PERATURAN PERMAINAN TENIS

1 PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF) Undang-Undang dan Persatuan Lawn Tenis Malaysia (LTAM).

1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2026.

2 PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu iaitu :

2.1.1 Perseorangan Lelaki

2.1.2 Perseorangan Wanita

2.1.3 Bergu Lelaki

2.1.4 Bergu Wanita

2.1.5 Bergu Campuran

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar tidak lebih dari dua (2) orang pemain bagi setiap acara perseorangan lelaki dan wanita.

2.2.2 Setiap IPT dibenarkan mendaftar tidak lebih dari dua (2) bergu (4 pemain) bagi setiap acara bergu lelaki, wanita dan campuran.

2.2.3 **Setiap pemain dibenarkan menyertai dua (2) kategori acara sahaja.**

2.2.4 Bilangan pendaftaran pemain dan pegawai adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu	8	8	3	19

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Pertandingan dijalankan secara kalah mati (knock out) mengikut Peraturan Am SUKIPT 2026.

2.3.2 Pada peringkat awal sehingga suku akhir, permainan akan dijalankan dengan kiraan “First To Reach 9, 8 - 8 Tie Break”.

2.3.3 Keputusan perlawanan separuh akhir dan akhir akan ditentukan dengan kiraan “ 2 + 1 Super Tie Break”.

2.3.4 Sistem kiraan tambahan ‘different two’ (Tie Break System) akan dijalankan apabila kiraan game’ meningkat Enam (6) sama di dalam sesuatu set.

2.3.5 Pada peringkat awal sehingga separuh akhir, pengadil yang disediakan adalah secara “Rooming Empire”. Pada peringkat akhir “Chair Empire” akan disediakan.

2.4 Kelewatan dan Penangguhan

2.4.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2026

3 PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Perkara dan Peraturan Am SUKIPT 2026.

3.2 Pakaian Pertandingan

3.2.1 Bagi acara bergu, pemakaian baju pemain hendaklah sama dari segi warna dan corak.

3.2.2 Pakaian pemain tenis terdiri daripada seluar pendek atau seluar trek panjang, baju-T berkolar atau tanpa kolar, stoking dan kasut getah. Untuk pemain wanita pula, skirt atau seluar panjang. (Warna sebaik-baiknya putih) atau baju pasukan IPT masing- masing.

3.3 Peralatan Pertandingan

3.3.1 Pasukan perlu menyediakan sendiri keperluan peralatan lain yang difikirkan perlu bagi setiap perlawanan

4 HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2026.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Perseorangan Lelaki	1	1	1	1	1	1
Perseorangan Wanita	1	1	1	1	1	1
Bergu Lelaki	1	2	1	2	1	2
Bergu Wanita	1	2	1	2	1	2
Bergu Campuran	1	2	1	2	1	2
JUMLAH	5	8	5	8	5	8